

27 JUN 2001

Mahathir-tempoh

PEMIMPIN PERLUKAN LEBIH DUA TAHUN PIMPIN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang menyuarakan kegembiraannya menjadi perdana menteri selama 20 tahun berkata pemimpin perlu diberikan lebih dari dua tahun untuk mentadbir negara.

Menukar perdana menteri setiap dua tahun mungkin tidak membolehkan negara melihat hasil usaha yang dilaksanakan pemimpin.

"Saya dapati apabila saya menjadi perdana menteri, ia mengambil masa dua tahun hanya untuk belajar, dua tahun lagi untuk mencuba dan hampir 10 tahun untuk melihat hasil kerja yang saya laksanakan.

"Tetapi jika anda terus menukar perdana menteri setiap dua tahun, dan setiap perdana menteri mahu melakukan perubahan terhadap dasar perdana menteri sebelumnya, akhirnya anda tidak akan melihat apa-apa pun.

"Anda akan melihat kekacauan berterusan, jadi saya bersetuju dengan sesetengah negara presiden hanya satu penggal, saya rasa satu penggal tidak cukup, seseorang dalam bilik ini mungkin berasa perkara yang sama," katanya semasa sesi soal jawab Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke-10 di sini.

Terdahulu beliau menyampaikan ucaptamanya yang tertajuk Globalisasi dan Kesannya Terhadap Ekonomi Membangun: Cabaran, Respons."

Dr Mahathir yang menjawab soalan berkaitan pengalamannya sebagai perdana menteri selama dua dekad dan sama ada beliau talah bersedia mempengaruhi dunia berkaitan perkara itu.

"Saya fikir 20 tahun memegang jawatan, anda tentu telah mempelajari sesuatu.

"Anda tahu sekarang, orang muda percaya mereka telah tahu semuanya. Pelajar universiti tahun satu memberi tahu saya bagaimana saya patut mentadbir negara ini," katanya.

Beliau berkata selepas 20 tahun, beliau telah melihat banyak perkara termasuk kenaikan dan kejatuhan negara-negara, sesetengahnya musnah sama sekali dan mungkin tidak boleh kembali semula.

"Saya telah lihat semua jenis ahli politik, saya telah melihat pelbagai teori dan theologi, dan saya telah dapat menilai, bukan semua, saya mungkin betul, saya mungkin salah.

"Tetapi bagi Malaysia, kita menghadapi kesulitan yang disebabkan oleh peniaga mata wang, kita rasa kita tidak boleh menerima rumusan orang lain, terutamanya rumusan standard yang digunakan untuk setiap negara," katanya.

Malaysia katanya memilih untuk mengikat pinggang, menderita sedikit semasa krisis ekonomi.

"Kita mengambil masa lama untuk memperolehi cara untuk keluar dari krisis itu, dan saya fikir banyak orang bersetuju Malaysia telah berjaya keluar dari krisis dengan pendekatannya sendiri.

"Jadi 20 tahun adalah masa yang baik untuk menjadi perdana menteri, saya tidak fikir yang lain dapat peluang itu, tetapi saya gembira saya mendapat peluang itu," katanya.

-- BERNAMA

AFY AFY RI